

17 JULAI 2018

Dua buruh aktif edar dadah dicekup

Dua buruh aktif edar dadah dicekup

SUNGAI PETANI – Hajat dua sahabat yang bekerja sebagai buruh untuk meraih pendapatan lumayan dengan menjalankan aktiviti pengedaran dadah tidak kesampaian apabila mereka ditahan dalam serbuan di sebuah rumah teres di Taman Bandar Mutiara di sini kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira pukul 10 pagi itu, polis merampas 414 pekete plastik lutsinar berisi ketulan dan serbuk dadah dipercayai heroin seberat 405 gram yang dianggarkan bernilai RM8,280.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Superintendan Sazalee Adam berkata, serbuan dilakukan selepas pihaknya membuat intipan sejak dua minggu lalu hasil maklumat awam.

“Dalam serbuan itu, kita menemui satu beg plastik hitam mengandungi 414 pekete plastik lutsinar berisi dadah di atas lantai di bilik utama rumah berkenaan,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis

Daerah (IPD) Kuala Muda di sini semalam.

Kata beliau, kedua-dua suspek lelaki berusia 29 dan 24 tahun itu dipercayai terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah sejak dua minggu lalu terutama di kawasan Flat Paya Nahu dan Taman Ria.

“Kita masih menyiasat dari mana suspek memperoleh bekalan dadah tersebut dan adakah kegiatan itu didalangi sindiket,” ujarnya.

Menurut Sazalee, ujian saringan awal air kencing mendapati suspek berusia 24 tahun positif ganja manakala rakananya berusia 29 tahun positif methamphetamine.

“Hasil semakan rekod lampau, suspek berusia 24 tahun turut mempunyai dua rekod kesalahan lampau di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 324 Kanun Keseksaan manakala rakananya di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah 1983,” ujarnya.



SÁZALEE (kanan) menunjukkan sebahagian pekete plastik lutsinar dipercayai mengandungi dadah jenis heroin yang dirampas dalam serbuan di Taman Bandar Mutiara, Sungai Petani kelmarin.